



SEBAHAGIAN daripada barisan pemimpin baru MPP Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bangga dengan kemenangan mereka di Nilai kelmarin.

## Kempen habis, sekarang belajar

Oleh AHMAD SYAHIR KASSIM  
syahir.kassim@kosmo.com.my

GEORGE TOWN - Selepas seminggu sibuk dengan dengan kempen pilihan raya kampus, para pelajar sekarang dinasihatkan kembali segera menumpukan perhatian terhadap tujuan utama mereka ke universiti - belajar.

Pengerusi Jawatankuasa Naib-naib Canselor/Rektor Institusi Pe-

njajian Tinggi Awam (IPTA), Prof. Datuk Dzulkifli Abdul Razak berkata, ini kerana peperiksaan akhir semester semakin hampir dan mereka sewajarnya mencapai keputusan cemerlang.

"Memandangkan masa kian suntuk, adalah penting sepehuh tumpuan diberikan kepada peperiksaan pula," katanya di sini semalam.

Mengenai perjalanan pilihan raya kampus, beliau yang juga Naib

Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) berpuas hati kerana semuanya berjalan lancar.

Menurutnya, proses demokrasi itu wajar dianggap satu bentuk pembelajaran ke arah membentuk pemimpin berwibawa kelak.

Dzulkifli turut mengucapkan tahniah kepada semua yang berjaya, namun bagi yang tidak terpilih beliau harap mereka terus memberi sokongan.